

Pengurusan kes tuntutan harta sita Najib, Rosmah 14 Disember

Kuala Lumpur: Pihak ketiga berkepentingan yang ingin menuntut harta berupa ratusan beg tangan pelbagai jenama termasuk wang tunai, jam tangan dan 27 kereta yang dirampas daripada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isterinya Datin Seri Rosmah Mansor serta 16 pihak lain, boleh hadir di Mahkamah Tinggi ketika pengurusan kes itu pada 14 Disember ini.

Timbalan Pendakwa Raya, Faten Hadni Khairuddin, ketika dihubungi *BERNAMA* berkata, pengurusan kes di hadapan Hakim Mohamed Zaini Mazlan bagi kehadiran mana-mana pihak ketiga yang ingin menuntut harta sitaan kes itu sepatutnya dijalankan semalam, tetapi ditangguhkan ke tarikh baharu berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Katanya, warta notis kepada pihak ketiga dikeluarkan sekali lagi oleh mahkamah selepas pendakwaan meminda notis usul berhubung pelucutan hak berkenaan.

Permohonan pengeluaran notis untuk pihak ketiga itu dikemukakan oleh pihak pendakwaan untuk membolehkan pihak ketiga hadir di mahkamah secara sendiri atau melalui peguam bagi memberikan tunjuk sebab mengapa harta berkenaan tidak boleh dilucuthak kepada kerajaan.

Pihak pendakwaan sebelum ini menfailkan notis usul bagi memohon untuk melucut hak terhadap harta terbabit dan menamakan Najib, Rosmah dan anak mereka iaitu Nor Ashman Razak Mohd Najib dan Nooryana Najwa Mohd Najib, Riza Shahriz Abdul Aziz (anak tiri Najib), Mohd Kyizzad Mesran, Senijauhar Sdn Bhd dan Aiman Ruslan.

Turut dinamakan ialah Yayasan Rakyat 1Malaysia, Yayasan Semesta, Yayasan Mustika Kasih, Rembulan Kembara Sdn Bhd, Goh Gaik Ewe (ibu kepada Low Taek Jho), Roger Ng Chong Hwa (bekas pegawai bank Goldman Sachs) dan isterinya Lim Hwee Bin, Kee Kok Thiam, Tan Vern Tact dan Geh Choh Hun sebagai responden pertama hingga ke-18.

Antara barangan yang disita itu ialah 52 beg tangan pelbagai jenama, 10 jam tangan pelbagai jenama dan wang tunai yang disita pada 17 Mei 2018 oleh pihak polis.

Barangan lain yang disita pada tarikh sama ialah empat jam tangan pelbagai jenama, empat beg tangan pelbagai saiz dan jenama, 167 beg tangan pelbagai jenama dan 27 pasang kasut pelbagai jenama serta 40 beg tangan pelbagai jenama turut disita pada 11 Jun 2018.

BERNAMA